

**Born In Malaysia, Penghormatan Untuk Mereka Yang Gigih Bina Masa Depan
Bernama
13 Sept, 2013**

KUALA LUMPUR, 13 Sept (Bernama) -- Bagi menghargai rakyat Malaysia yang gigih berusaha untuk memperbaiki masa depan sendiri dan keluarga masing-masing, jurufoto Kenny Loh menghasilkan sebuah buku bertajuk Born In Malaysia.

Buku ini merupakan projek khas bersempena sambutan Hari Malaysia Ke-50.

Born In Malaysia membawa pembaca dalam pengembaraan bergambar dari kopitiam serba mewah di pusat bandar hinggalah ke rumah panjang yang tersembunyi di celah kedamaian hutan hujan.

Penerbitan buku ini mendapat sokongan laman mencari pekerjaan terkemuka, Jobstreet.com.

Dalam kenyataannya, ketua pegawai eksekutif Jobstreet.com Mark Chang berkata buku ini mampu membangkitkan kesedaran rakyat Malaysia bahawa mereka boleh mengutip banyak pengajaran daripada nenek moyang masing-masing tentang etika kerja dan disiplin.

"Namun, perkara paling penting ialah kemampuan kita untuk mendepani cabaran semasa dan memainkan peranan masing-masing untuk menyumbang kepada kesejahteraan hidup keluarga kita, yang akhirnya akan menghasilkan hari esok yang lebih baik untuk masyarakat dan negara kita," katanya.

Maklumat lanjut tentang projek buku ini boleh didapati dengan melayari www.born-in-malaysia.com.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=977649>